



UNIVERSITI
M A L A Y A

PUSAT PERUBATAN UM

Anda dinasihati supaya;

Hadir sekurang-kurangnya 45 minit lebih awal di kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan dari masa janjitemu anda untuk tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur.

Sekiranya anda didapati terlewat dari masa yang diberikan, pemeriksaan pengimejan anda tidak akan dilanjkan dan ditunda ke tarikh yang lain.

Hadir lebih awal dari masa janjitemu untuk mengelakkan masalah kesesakan lalulintas dan mendapatkan tempat letak kereta di PPUM.

Jika anda tidak dapat hadir, sila hubungi kami:

Tel: 03-79493523 /2526 (kaunter janjitemu)

Sila simpan nombor-nombor kaunter janjitemu Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan di dalam telefon bimbit anda sebagai rujukan sekiranya terdapat pindaan pada tarikh janjitemu dari pihak PPUM (03-7949 4411/ 4444/4455/ 4477/ 4488/ 4499).

**JABATAN
PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN
HYSTEROSALPINGOGRAPHY
(HSG)**

JANJITEMU:

NAMA:.....

NO R/N:.....

TARIKH:

MASA:..... PAGI/PETANG

TARIKH AKHIR HAID:.....

JANJITEMU DIBERI OLEH:.....

NOTA PENTING!!!!

Sila lihat di mukasurat belakang brosur

Pemeriksaan Hysterosalpingography (HSG).

1. Apa itu HSG?

Ia adalah satu pemeriksaan sinar-X untuk mengkaji sistem peranakan wanita untuk sebarang keabnormalan.

2. Bagaimanakah prosedur ini dilakukan?

Prosedur ini dilakukan selepas kitar haid berakhir (sebelum masa ovulasi).

Ia adalah penting supaya lapisan uterus berada dalam keadaan nipis.

Pesakit perlu menghubungi kaunter janjitemu Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan pada kebiasaanya, tarikh akan diberi dalam masa 10 hari dari tarikh haid bermula.

Prosedur yang terlibat:-

- Anda dikehendaki menukar kepada pakaian hospital.
- Anda perlu baring di atas meja sinar-X, dengan lutut dibengkok dan tapak kaki dipijak (posisi seperti semasa melakukan PAP Smear).
- Alat khas (speculum) akan dimasukkan ke dalam vagina untuk membuka lubang uterus (serviks) oleh Pakar Radiologi yang ditemani oleh Jururawat.
- Bahagian serviks akan dibersihkan dengan menggunakan cecair iodine.
- Salur plastik (*catheter*) yang mempunyai belon akan dimasukkan melalui lubang serviks sampai ke pembukaan kaviti uterus.
- Belon pada hujung *catheter* akan dikembangkan dan dibiarkan di dalam uterus.
- Agen kontras media akan disuntik masuk ke dalam uterus.
- Imej sinar-X akan diambil dari semasa ke semasa. Sebarang keabnormalan seperti '*fibroid uterus*', '*polyps uterus*' atau '*adhesions uterus*', '*split cavity*' dan keadaan salur fallopian, penyempitan salur akan dapat didiagnos.

Persediaan Pesakit Sebelum Pemeriksaan HSG :

- Pemeriksaan ini hanya akan dijalankan jika anda pasti tidak mengandung.
- Masa pemeriksaan adalah ditetapkan supaya ianya jatuh antara 7- 10 hari selepas hari haid yang bermula.
- Jangan mengambil apa-apa makanan selama 3 jam sebelum pemeriksaan.
- Diminta memberitahu Pakar Radiologi sekiranya terdapat alahan terhadap agen kontras media, makanan laut, ataupun menghidap lelah/ asma. Anda perlu dilindungi dengan ubat 'steroids' (preskripsi 'steroids' akan diberikan semasa di kaunter janjitemu)
- Anda haruslah berada di Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan 45 minit sebelum pemeriksaan dan digalakkan membawa seorang pengiring untuk sokongan.

Penjagaan selepas pemeriksaan HSG :

- Darah dan lendir biasanya akan keluar daripada alat jantina anda selama $\frac{1}{2}$ hari.
- Anda dinasihatkan supaya tidak mengandung sehingga tamat kitaran haid yang seterusnya.
- Sekiranya anda mengalami kesakitan pada bahagian bawah pinggul, sila ambil ubat tahan sakit (Paracetamol/Ponstan) dan jika kesakitan berlarutan sila berjumpa dengan doktor.